



مجلس دائريى وىكالى وىكالى وىكالى

PEJABAT MAJLIS DAERAH PENKALAN HULU

33100 PENKALAN HULU, PERAK DARUL RIDZUAN

TELEFON : 04-4778148 (PEJ), 4778181 (YDP)

FAX NO : 4778735

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : Bil.(16) dlm. MDPH. P 2/55

Tarikh : 24 April 2014

24 Jamadilakhir 1435

KENYATAAN TAWARAN MAJLIS DAERAH PENKALAN HULU

SEBUTHARGA SEMULA

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dibawah kod bidang 220801 serta berdaftar dengan **Majlis Daerah Pengkalan Hulu**, yang dibenarkan untuk memasuki tawaran kerja berikut:-

**PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA API
DIKAWASAN PEJABAT MAJLIS DAERAH PENKALAN HULU,
33100 PENKALAN HULU, PERAK DARUL RIDZUAN
Mulai 1 Jun 2014 hingga 31 Mei 2016 (24 Bulan)**

2. Semua tawaran hendaklah dibuat di dalam **borang "A"** dan hendaklah dimasukkan dalam sampul surat bertulis.
 - 2.1 **Sebutharga MDPH 2/2014 – Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api Di Kawasan Pejabat Majlis Daerah Pengkalan Hulu.**
3. Semua tawaran hendaklah dialamatkan kepada **Yang Dipertua, Majlis Daerah Pengkalan Hulu, 33100 Pengkalan Hulu** dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga Majlis Daerah Pengkalan Hulu**. Untuk makluman pihak tuan, **tarikh tutup penghantaran dokumen sebutharga pada 16 Mei 2014 (Jumaat) sebelum jam 12.00 tengahari.**
4. Dokumen tawaran akan dijual kepada kontraktor- kontraktor dan wakil-wakil yang sah sahaja, ia boleh diperolehi di Pejabat Majlis Daerah Pengkalan Hulu, pada waktu pejabat sahaja mulai pada hari lawatan tapak diadakan dengan senaskah RM 20.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Sahaja). **Bagi lawatan tapak kehadiran adalah diwajibkan dan akan diadakan pada 5 Mei 2014 (Isnin) jam 11.00 pagi.**
5. Pihak kontraktor diwajibkan membawa bersama Sijil Kementerian Kewangan yang asal dan sah tempoh penggunaannya serta wakil syarikat perlu mendapatkan pengesahan daripada syarikat untuk menghadiri lawatan tapak tersebut. Penawaran kerja adalah tertakluk kepada Syarat-Syarat Gred dan Kategori yang terdapat dalam Sijil Kementerian Kewangan Malaysia sahaja.
6. Pihak Kontraktor dikehendaki memasukkan salinan 3 bulan Laporan Kewangan Syarikat semasa dan Rekod Kerja Syarikat dalam tempoh 3 tahun dan rekod kerja semasa untuk menghantar Borang Dokumen Sebutharga. **Untuk makluman, dokumen sebutharga yang telah lengkap berserta satu salinan Akuan Pendaftaran Kontraktor daripada Kementerian Kewangan Malaysia, Pendaftaran Perniagaan dan Surat Akuan Pembida (Lampiran A) yang telah ditandatangani hendaklah dikembalikan kepada Yang Dipertua Majlis Daerah Pengkalan Hulu.** Semua Borang Sebutharga hendaklah ditulis dengan terang

Nombor Sebutharga dan dimasukkan ke dalam sampul surat bersaiz A4 serta ditulis Nombor Sebutharga dan nama projek diluar sampul.

7. Adalah dimaklumkan bahawa semua Ahli Majlis dilarang menjadi kontraktor dan sebarang projek di kawasan Majlis Melalui keputusan Perjumpaan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang telah bersidang pada 24hb. Jun 2009 melalui surat Bil.(56)d/m.PSUK. PK. (KT-AM) 525/62 Jld.2.
8. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana yang berkaitan perolehan ini merupakan kesalahan jenayah dibawah Akta Pencegahan 1971.
9. Majlis Daerah Pengkalan Hulu tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

(MOHD SHAH NIZAM BIN ABDUL AZIZ)
Setiausaha
b.p. Yang Dipertua
Majlis Daerah Pengkalan Hulu
Perak Darul Ridzuan.

“KEBERHASILAN INOVASI PERKHIDMATAN BERKUALITI”